

Bayar segera bil kontraktor

Kita tidak boleh biarkan kontraktor dalam keadaan tidak cukup wang untuk perbelanjaan bagi membeli barang-barang keperluan dan dikehendaki bagi pembinaan sesuatu projek

Oleh ARSHAD KHAN

KUANTAN 10 Ogos - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi meminta jabatan-jabatan kerajaan membayar segera bil-bil kepada kontraktor yang berjaya menyiapkan projek mereka tepat pada masanya.

Perdana Menteri berkata, langkah itu bagi memastikan wang yang dibayar adalah mencukupi untuk perbelanjaan bagi projek-projek lain yang akan dijalankan oleh pihak kontraktor.

"Bagi bil-bil yang dilampirkan, kita mesti bayar kepada kontraktor dengan masa yang singkat.

"Kita tidak boleh biarkan kontraktor dalam keadaan tidak cukup wang untuk perbelanjaan bagi membeli barang-barang keperluan dan dikehendaki bagi pembinaan sesuatu projek di kawasan di mana ia (projek) akan dijalankan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas melawat projek Empangan Chereh di Sungai Lembing, dekat sini hari ini.

Turut sama ialah Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak; Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob; Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Chan Kong Choy dan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr. Jamaliah Jarjis.

ABDULLAH AHMAD BADAWI
Perdana Menteri

Katanya lagi, pada masa yang sama, jabatan kerajaan perlu memantau setiap projek yang dilaksanakan agar tidak berlaku sebarang kelewatan yang boleh merugikan semua pihak terutama rakyat.

Beliau berkata, dengan cara itu, kerajaan benar-benar dapat memastikan setiap projek yang dilaksanakan dapat disiapkan mengikut jadual, sekali gus dapat memberi faedah kepada rakyat.

Mengenai empangan berkenaan, Abdullah berkata, ia dibina bagi menampung keperluan bekalan air bagi daerah Kuantan sehingga 2030.

"Bekalan air di Kuantan menjadi kritikal dari sekarang hingga lapan tahun akan datang jika tiada tindakan diambil kerana masalah kehilangan air tidak berhasil' di sini terlalu tinggi iaitu melebihi 50 peratus.

"Kalau kita nak ganti paip-paip bagi mengatasi masalah air tidak berhasil ia memakan belanja cukup besar sehingga RM1 bilion dan kita tidak mampu, sebab itu empangan ini dibina," katanya.

Dalam perkembangan lain, Abdullah berkata, beliau sangat bimbang dengan kewujudan surat-surat layang dan ceramah-ceramah di sana-sini yang sebenarnya tidak perlu diadakan.

"Pada saya ia sesuatu yang sangat merugikan malah menyekat usaha-usaha (pembangunan) yang sedang dijalankan," katanya.



ABDULLAH Ahmad Badawi diiringi Najib Tun Razak beramah mesra dengan sahabat lamanya yang menyambut ketibaan beliau di Dewan SUKPA sempena lawatan kerja dua hari ke Pahang, semalam.

Ditanya mengenai dakwaan bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mohamad bahawa beliau ada bukti bekas menteri rasuah yang menganggotai Kabinetnya, Abdullah berkata, "Kalau dia nak maklumkan, kita tunggu sahajalah."

Ketika ditanya bila Malaysia akan menghantar pasukan pengaman Pertubuhan

Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di Lebanon, beliau berkata: "Kita akan menghantar apabila PBB telah buat keputusan."

Katanya, pada masa ini keputusan mengenai itu tidak dapat diambil kerana anggota-anggota dalam Majlis Keselamatan PBB masih bertelingkah sesama mereka untuk mencari penyelesaian.